

16 JAN 2001

Mahathir-Jepun/I

MAHATHIR LAWAT JEPUN EMPAT HARI MULAI KHAMIS

Oleh: D.Arul Rajoo

OSAKA, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di sini Khamis ini untuk melakukan lawatan kerja selama empat hari.

Semasa lawatan dengan aturcara yang ketat itu beliau antara lain akan berucap pada simposium mengenai persefahaman Asia dan meninjau kemajuan teknologi Jepun, kata Duta Malaysia ke negara ini, Datuk Marzuki Mohammad Noor.

Pada simposium di Pusat Antarabangsa Osaka itu Dr Mahathir akan memberi ucap ternaik bertajuk "Menggalakkan Persefahaman Bersama Bagi Negara-negara Asia, Jepun terutamanya Kansai."

"Simposium ini dianjurkan oleh Mainichi Shimbun bertujuan mendapatkan pandangan dan idea pada dasarnya mengenai Asia, cabaran dan isu yang dihadapi oleh Asia dalam alaf baru ini," katanya.

Dr Mahathir kemudian akan menghadiri perbincangan panel bersama-sama Menteri Luar Thai, Surin Pitsuwan, Duta Korea Selatan ke Jepun, Choi Sang Yong, bekas Ketua Pengarah Agensi Perancangan Ekonomi Jepun, Taichi Sakaiya, dan Presiden NTT Jepun Barat, Kazuo Asada.

Perdana Menteri juga dijangka menerima kunjungan Pengerusi Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren), Yoshihisa Akiyama, yang juga Presiden Kansai Electric Power Co. Inc.

Kankeiren adalah pertubuhan bukan bermotif keuntungan yang dianggotai oleh kira-kira 860 pertubuhan dan perbadanan.

Pada sebelah petangnya, Dr Mahathir akan menghadiri satu majlis keraian sempena penerbitan sebuah buku berasaskan artikel beliau yang dimuatkan dalam akhbar Jepun, Mainichi Shimbun.

Buku itu mengandungi kompilasi siri 17 ruangan akhbar itu yang memaparkan ulasan dan pendapat Dr Mahathir yang disiarkan dalam tempoh Februari 1999 hingga Jun tahun lepas.

Buku itu dilancarkan di Jepun pada bulan lepas, kata Marzuki.

Pada hari kedua lawatan itu, Dr Mahathir dijadualkan melawat sebuah kilang Sharp di bandar raya Tenri untuk melihat sendiri kemajuan Sharp dalam bidang teknologi paparan kristal cecair (LCD).

"LCD sangat penting pada masa ini dan digunakan dengan meluas. Perdana Menteri akan melihat bagaimana ia dilakukan, lebih-lebih lagi memandangkan Sharp merupakan antara peneraju dalam kemajuan bidang ini," kata Duta itu.

Selepas itu Dr Mahathir akan mengunjungi Osaka Electro-Communication University, institusi berusia 50 tahun yang mengkhususkan kepada bidang teknologi maklumat.

Di universiti itu beliau akan melawat Jabatan Budaya Maklumat Media yang ditubuhkan tahun lepas.

Jabatan itu ditubuhkan berasaskan kepercayaan bahawa penggunaan komputer dan kefahaman mengenai maklumat melalui media merupakan perkara pokok dalam menjalani hidup yang produktif pada abad ke-21.

Perdana Menteri juga akan mengadakan dialog dengan penuntut Malaysia yang sedang belajar di sekitar wilayah Kansai pada majlis yang akan berlangsung di Rihga Royal Hotel, tempat penginapan Dr Mahathir semasa lawatan itu.

Pada hari ketiga lawatannya ke bandar raya yang membuat tawaran untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 2008 ini, Dr Mahathir akan menyertai rakaman rancangan forum oleh rangkaian television Fuji mengenai "pendapat dan idea tentang masa depan abad ke-21 yang menjadi pilihan Asia dan

Jepun."

Gabenor Tokyo, Shintaro Ishihara, merupakan antara anggota panel forum itu.

Dr Mahathir akan berlepas pulang ke tanah air pada hari Ahad.

-- BERNAMA

AR ES RYN NMO